



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1987

**SURAT TAWARAN JAWATAN/SURAT PERLANTIKAN OLEH
SURUHANJAYA DAN PIHAK BERKUASA MELANTIK
KAKITANGAN SEKTOR AWAM**

1. TUJUAN

Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memberitahu semua pihak berkuasa melantik tentang keputusan Kerajaan untuk menghapuskan skim pencen bagi semua kakitangan sektor awam yang dilantik mulai 1 Januari 1987.

2. PIHAK YANG TERLIBAT

Dengan terkeluarnya Surat Pekeliling ini, semua Suruhanjaya, Kementerian, Jabatan, Kerajaan Negeri, Badan-Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri dan Kuasa-Kuasa Tempatan hendaklah mengubahsuai surat-surat tawaran jawatan/surat perlantikan ke sektor awam supaya surat-surat tersebut tidak lagi menyebut taraf jawatan yang ditawarkan itu sebagai berpencen.

3. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1987.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,

MALAYSIA,

TINGKAT 3-13 DAN 15,

WISMA BERNAMA,

JALAN TUN RAZAK,

50510 KUALA LUMPUR:

Tel : 2938444 samb. 243

Kawat: "FESTOFF KUALA LUMPUR

Fail Kami: JPA (S) 228/77/9

Per./(47)

Tarikh: 23 April 1987.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Pengurusan Badan Berkanun.

Semua Pihak Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan.

**PEMBATALAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN
BIL.1 TAHUN 1987**

Saya adalah diarah merujuk kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1987](#) bersabit dengan surat tawaran jawatan/surat perlantikan oleh Suruhanjaya dan Pihak Berkuasa melantik kakitangan Sektor Awam. Dengan ini dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Perkhidmatan tersebut adalah ditarik balik mulai dari tarikh ia sepatutnya berkuatkuasa. Oleh yang demikian maka kedudukan butir-butir surat tawaran jawatan/perlantikan ke Sektor Awam oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

dan lain-lain kuasa melantik hendaklah sama seperti keadaan sebelum terbitnya

[Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1987](#) (status quo).

2. Jika sekiranya tawaran-tawaran jawatan/perlantikan telah dibuat berdasarkan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1987](#), maka pindaan yang sewajarnya hendaklah dibuat ke atas surat-surat tawaran jawatan/perlantikan tersebut.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' WAN MANSOR BIN ABDULLAH)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
MALAYSIA.